

Memorandum majlis patriotisme ke Kabinet

BH-20/8/2007.

Penubuhan akan dibincang dengan pelbagai pihak: Hishammuddin

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Memorandum berhubung penubuhan Majlis Patriotisme Negara akan diserahkan kepada Kabinet dalam tempoh dua minggu lagi, kata Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Katanya, penubuhan majlis itu adalah antara resolusi dicapai dalam Kongres Patriotisme Remaja, selain cadangan supaya kerajaan mewujudkan Dasar Patriotisme Negara, bagi menentukan hala tuju program patriotisme yang dilaksanakan di seluruh negara.

Beliau berkata, pihaknya akan mendapatkan pandangan dan kerjasama daripada Kementerian Belia dan Sukan serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, untuk memastikan penubuhan majlis itu benar-benar menepati resolusi yang dipersetujui dalam kongres dua hari itu.

"Penubuhan Majlis Patriotisme Negara dan Dasar Patriotisme Negara adalah penting, kerana kecermerlangan akademik dan segulung ijazah tidak mencukupi jika kita tidak menyediakan generasi muda dengan elemen jati diri.

"Kekuatan dalaman yang terhasil daripada jati diri dan patriotisme boleh membantu anak kita menilai mana yang betul dan mana yang tidak, merasai ancaman dan membezakan kita dengan orang Barat," katanya ketika berucap pada majlis penutup Kongres Patriotisme Remaja di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, globalisasi dan dunia tanpa sempadan menyebabkan amalan menulis, membaca dan mengira (3M) tidak lagi mencukupi jika rakyat Malaysia tidak mempunyai daya tahan untuk mengharungi arus globalisasi.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, Kementerian Pelajaran akan memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam kurikulum sekolah kepada pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR), dalam usaha menerapkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda.

Katanya, projek perintis program baru itu akan dilaksanakan tahun depan, sebelum ia dilaksanakan secara menyeluruh selepas berakhir-



SEMANGAT MERDEKA: Hishammuddin mengibarkan Jalur Gemilang bersama pelajar selepas majlis penutup Kongres Patriotisme Remaja di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

nya Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) pada 2010.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan secara terperinci kandungan program, kerana masih mengkaji modul yang sesuai memandangkan perbincangan dengan pelbagai pihak, termasuk PLKN, perlu diadakan terlebih dahulu.

"Kita akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertahanan sebelum ia dilaksanakan termasuk mengkaji sama ada pelajar terabit perlu mengikuti program PLKN selepas menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Tetapi yang penting kita (kementerian) akan selaraskan dengan program kokurikulum kerana kita mahu menyuntik semangat dan nilai patriotisme dalam diri anak kita," katanya.

Hishammuddin berkata, pelaksanaan program PLKN selepas PMR itu perlu dipertimbangkan bagi memastikan semangat patriotisme dalam jiwa generasi muda tidak terhakis memandangkan dunia semakin berubah dengan ancaman globalisasi dan liberalisasi.

"Apa yang kita bimbangkan, pengaruh melalui internet dan filem bukan hanya menyebabkan semangat cintakan tanah air terhakis, tetapi turut mengubah identiti anak bangsa kita.

"Kita nampak pelaksanaan PLKN pada peringkat lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berjaya, oleh itu tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh laksanakannya pada peringkat sekolah, lebih-lebih lagi dalam kegiatan kokurikulum," katanya.

Selain itu, beliau tidak menolak kemungkinan untuk memberi kredit kepada pelajar yang terabit dalam PLKN pada peringkat PMR atau memberi pelepasan kepada mereka yang pernah menghadiri program itu pada peringkat SPM.

FAKTA

Resolusi Kongres Patriotisme Remaja

- Penubuhan Majlis Patriotisme Negara menerusi Kementerian Pelajaran.
- Merangka pelan strategik bagi pembentukan Dasar Patriotisme Negara.
- Mahu Majlis Patriotisme Negara dan Dasar Patriotisme Negara menjadi payung dan rujukan negara kepada semua aktiviti, amalan, program, semangat dan hala tuju patriotisme negara.
- Mahu Kementerian Pelajaran mengambil langkah perlu untuk menyemai semangat patriotisme di kalangan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah secara teratur dan berterusan.
- Menjadikan semangat patriotisme sebagai pengukuh program perpaduan kaum dan wilayah.
- Mahu generasi Malaysia menginsafi dan memperkukuhkan semangat patriotisme di dalam diri sendiri.
- Semua agensi kerajaan, swasta, masyarakat dan keluarga bekerjasama mendidik, mempertingkatkan dan memperkukuhkan semangat patriotisme di kalangan rakyat.